



KONGSI... Pengkisahan Patriotik oleh bekas tentera menghidupkan Sambutan Hari Pahlawan dan Bulan Patriotisme, di Dewan Mu'adzam Shah, UUM.

UUM ONLINE: Darah dan air mata menjadi saksi kepada kisah pertempuran di antara tentera dan pengganas komunis apabila mereka terpaksa bertempur bermati-matian bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara tidak digugat oleh anasir luar.

Kisah perjuangan ini menjadi satu pengalaman yang ngeri dan tidak dapat dilupakan oleh empat bekas anggota tentera yang kini bekerja sebagai pegawai keselamatan di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pengkisahan mereka dilakukan di hadapan ribuan pelajar dan kakitangan sempena Sambutan Hari Pahlawan dan Bulan Patriotisme pada 31 Julai 2010, di Dewan Mudazam Shah, UUM.

Salah seorang bekas tentera Johari, berkata, pengalaman bertempur dengan pengganas komunis dalam hutan amat mengerikan apabila melihat rakan setugas gugur di medan perjuangan.

"Paling tidak dapat saya lupakan ialah melihat dengan mata sendiri salah seorang kawan saya terputus kaki semasa menjalankan operasi di Selatan Thailand," katanya.

Beliau berkata, kumpulannya telah mendapat anugerah daripada kerajaan Negeri Pahang kerana berjaya menumpaskan musuh di Sungai Ruan pada tahun 1978.

Seorang lagi bekas tentera, Ku Ismail Ku Abdullah, berkata beliau pernah terbabit dalam lima pertempuran dengan pengganas komunis di sekitar Perak pada 1973 dan 1976.

"Pasukan saya diarahkan ke Sungai Siput selepas tiga hari berada di dalam hutan tetapi dalam kejadian itu, kami diserang hendap oleh pihak pengganas komunis.

"Kami bertempur selama setengah jam mengakibatkan beberapa pengganas komunis tercedera.

"Kami juga berjaya menangkap seorang pengganas komunis hidup-hidup dan diarahkan untuk membawa keluar ke Sekolah Kebangsaan Sungai Siput," katanya.

Beliau berkata, paling tidak dapat dilupakan pihaknya disambut oleh penduduk kampung dengan penuh gembira kerana berjaya menggempur sarang komunis sehingga menangkap beberapa orang pengganas komunis.

"Satu lagi peristiwa di bulan puasa 1976, kami diarahkan bertugas di kawasan kebun getah tetapi diserang hendap oleh segerombolan pengganas komunis.

"Dalam pertempuran itu, seorang rakan terkena tembakan di dada sebelum menariknya keluar daripada kawasan pertempuran tetapi ajalnya di pangkuan saya selepas sempat mengajarnya mengucapkan dua kalimah syahadah," katanya.

Sementara itu, bekas Pegawai Waran II, Halim Din yang turut berkongsi pengalaman bertempur dengan pengganas komunis menceritakan kisah pertempuran pertama pada bulan Mac 1979 di daerah Bau, Sarawak.

"Pada waktu itu, perasaan takut membelenggu diri tetapi dapat ditepis apabila senjata di tangan mula meletup dan semangat berani muncul sehingga berjaya menumpaskan dua pengganas komunis dalam pertempuran yang berlaku selama setengah jam," katanya.

Menurut Azmi, 49, seorang bekas perajurit yang memulakan tugasnya pada 26 Mac 1961, berkata, pasukannya diserang hendap ketika membuat operasi di Grik.

"Pasukannya tiba di tempat baru dan terdengar musuh bergerak dari LP lama ke LP baru. Setibanya di LP baru, mereka ternampak 4 pengganas komunis pada kedudukan serang hendap," ujarnya.

Tambahnya, kehabisan bekalan makanan menyebabkan mereka terpaksa mencari lebih makanan yang ditinggalkan anggota pasukan lain.

Habis.